

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 27.11.2019 (RABU)

SOALAN NO. 1

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berkaitan Program Food Bank Siswa. Setakat mana kejayaan program ini dan berapa siswa yang telah dibantu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Program Food Bank Siswa (PFBS) adalah satu inisiatif kesinambungan daripada Program Food Bank Malaysia yang telah dilancarkan pada 22 Disember 2018 . Sehingga kini, Program Food Bank Malaysia ini telah di perluaskan ke peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam bagi membantu golongan mahasiswa dari keluarga golongan B40 supaya mereka dapat memberi tumpuan yang lebih baik terhadap pembelajaran. PFBS ini adalah salah satu inisiatif yang terhasil daripada Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 15 Februari 2019.

PFBS ini adalah hasil kerjasama antara penyumbang dan pihak universiti dan ianya dilaksanakan melalui dua konsep iaitu *food pantry* dan *central kitchen*. *Food pantry* adalah penyimpanan barang makanan kering di satu bilik yang sesuai dan diuruskan oleh Persatuan Pelajar yang ditugaskan. Pelajar yang layak menerima bantuan PFBS ini boleh mengambil makanan yang akan diagihkan mengikut jadual yang ditetapkan. Manakala *Central Kitchen* adalah sumbangan makanan yang boleh dimasak seperti sayur-sayuran dan buah-buahan akan dimasak dan diberikan kepada pelajar yang layak menerima bantuan Food Bank Siswa.

Sehingga November 2019, program ini telah dilaksanakan di 21 buah Universiti Awam dan telah memberi manfaat kepada 6,870 pelajar.

Sekian, terima kasih.